

Sungai Muar berpotensi dimajukan sebagai destinasi tarikan pelancong

TAHUN ini bandar Muar menjadi lokasi sambutan Hari Kebangsaan Ke-49 peringkat negeri Johor dan pemilihan bandar yang terletak di hadapan muara sungai besar yang menghadap laut Selat Melaka ini dilihat sebagai peluang baik untuk menggamit pelancong.

Muar sebenarnya memang kaya dengan daya tarikan tersendiri yang jarang terdapat di tempat lain sebagai kawasan pelancongan.

Keistimewaan Muar sememangnya disedari kerajaan negeri Johor yang kini sedang dalam usaha mengoptimumkan pelbagai projek pembangunan membabitkan sungai yang dikaitkan dengan sejarah Kesultanan Melayu Melaka itu.

Antaranya pusat marina yang membabitkan kos RM50 juta yang tersergam berhampiran jeti Tanjung Mas antaranya menjadi destinasi pelancongan terbaru dan kegiatan rekreasi di daerah ini.

Pembinaan marina itu selaras hasrat bekas Perdana Menteri, Tun Dr Maha-

thir Mohamad yang mahu menjadikan pesisiran pantai Malaysia seperti pantai di perairan Mediterranean yang menjadi pusat kegiatan perahu persiaran.

Langkah membangunkan Sungai Muar juga selaras dengan kenyataan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman yang menyedari potensinya dalam industri pelancongan negeri ini.

Sehubungan itu kerajaan negeri telah memperuntukkan RM500,000 untuk membina Jeti Tanjung Mas yang kini dibuka kepada orang ramai untuk bersiar-siar dengan menaiki bot persiaran bagi menikmati keindahan Sungai Muar.

Projek pembangunan turut dirancang meliputi kira-kira enam kilometer di kawasan berhampiran Tanjung Mas yang akan muncul sebagai pusat kegiatan kapal persiaran yang belayar di pesisiran Sungai Muar dan Selat Melaka.

Pegawai Daerah Muar, Datuk Zalil Baron, berkata tumpuan turut diberikan kepada rancangan pembangunan sumber sedia ada dan semula jadi di pe-

sisiran muara Sungai Muar sehingga ke kawasan yang berhadapan dengan Selat Melaka.

Katanya, kewujudan beberapa lokasi tarikan yang selama ini hanya diketahui oleh masyarakat tempatan di sepanjang sungai yang mempunyai aliran air yang cantik dan tenang itu perlu diberi promosi yang meluas.

"Kita sudah mempunyai tempat makan yang sering menjadi kunjungan orang tempatan di sepanjang sungai Muar, oleh itu kenapa tidak kita membuat promosi supaya tempat itu turut mampu menarik orang dari luar Muar bahkan dari seluruh negara.

"Sebagai contoh ialah medan ikan bakar di Sabak Awor yang dilihat mempunyai ciri dan potensi untuk dijadikan tarikan penggemar ikan bakar dari seluruh pelusuk negara.

"Ini adalah antara kelebihan yang sedia kita miliki cuma tinggal lagi bagaimana untuk membuat perancangan dan pelaksanaan yang akhirnya membawa Muar sebagai destinasi tarikan

pelancong," katanya.


Katanya, keunikan yang ada pada Sungai Muar dan kawasan sekitarnya turut boleh dieksploitasikan untuk menyediakan kemudahan perjalanan menggunakan bot pelancong.

Ini secara langsung boleh dikaitkan dengan beberapa tempat menarik yang dikaitkan dengan sejarah negara dan lagenda masyarakat tempatan.

"Kita boleh bawa pelancong menaiki bot persiaran dari jeti Tanjung Emas dan menyusuri Sungai Muar sehingga ke Bukit Kepong yang mempunyai nilai sejarah.

"Selain itu pelancong juga boleh melihat suasana kehidupan dan panorama yang terdapat di tebing sungai seperti habitat kunang-kunang pada waktu malam sekaligus menjadikan perjalanan itu sebagai satu pengalaman berbeza dalam hidup mereka," katanya.

Katanya, oleh itu kita perlu tampil dengan idea tentang bagaimana boleh disediakan satu pakej pelancongan yang menarik di Sungai Muar.



RIADAH: Aktiviti berkayak di Sungai Muar turut membuka peluang ekonomi.